

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI & RISIKO



KOLABORASI SQRC & TAHODC RAIH PINGAT EMAS DI BORNEO INTEX 2025

Pada 27 dan 28 Ogos 2025, SQRC telah menyertai Borneo InTEX 2025 di Pusat Konvensyen Borneo (BCC) Kuching dengan mempersembahkan inovasi bertajuk Speed 2.0: Advancing Strategic Monitoring at UNIMAS. Inovasi ini dibangunkan melalui kolaborasi bersama TAHODC dan direka untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan strategik di UNIMAS dengan menyediakan platform digital yang mampu menjelajah kemajuan pelan strategik secara automatik, tepat dan mesra pengguna. Hasil inovasi ini telah diliktiraf di pentas Borneo InTEX apabila pasukan SQRC-TAHODC berjaya meraih Pingat Emas (Gold Award), sekaligus membuktikan keupayaan warga UNIMAS dalam menghasilkan penyelesaian inovatif yang berimpak tinggi kepada UNIMAS. Tahniah diucapkan kepada pasukan SQRC dan TAHODC atas kolaborasi cemerlang ini!

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2026 – 2030 UNIMAS SIRI 2

Pada 23 hingga 26 Ogos 2025, Bengkel Pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030 Siri 2 telah diadakan di Hotel 56, Kuching sebagai kesinambungan daripada bengkel Siri 1. Bengkel empat hari ini memberi tumpuan kepada pemurnian strategi melalui pembentangan visi, misi dan nilai teras universiti, serta perbincangan intensif kumpulan yang merangkumi analisis faktor dalam dan luaran (IFE/EFE), matriks SWOT berdasarkan data, formulasi strategi, analisis risiko strategik, unjuran bajet, dan pengenalpastian rakan pelaksana.

Setiap kumpulan merangkumi TNCAA, TNCP1, TNC HEPA, Pendaftar, Bendahari, PNC JIMK, PNC K&P, dan CDO telah membentangkan hasil formulasi strategi masing-masing, yang kemudiannya diselaraskan bagi membentuk kerangka strategi universiti yang lebih mantap. Hasil daripada bengkel ini akan menjadi asas kepada penyediaan draf akhir Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030, yang bakal memandu universiti dalam mendepani cabaran serta merealisasikan aspirasi lima tahun akan datang.



ISO 31000: RISK MANAGEMENT WORKSHOP

Pada 19 dan 20 Ogos 2025, SQRC telah menganjurkan ISO 31000: Risk Management Workshop bertempat di Bilik Serindit, Detar Putra, dengan penceramah jemputan daripada SIRIM Academy, Pn. Izza Jay Jalani. Penganjuran bengkel ini bertujuan memperkuuh kefahaman serta kompetensi warga universiti, khususnya pegawai pengurusan dan wakil PTJ, dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang sistematik dan konsisten mengikut rangka kerja ISO 31000. Sepanjang dua hari, peserta didedahkan kepada prinsip asas, struktur kerangka kerja, serta proses pengurusan risiko, merangkumi langkah mengenal pasti, menganalisis, menilai, dan mengawal risiko yang berpotensi memberi kesan kepada operasi dan keberkesanan pelaksanaan strategi universiti. Melalui bengkel ini, SQRC berharap agar pengurusan risiko dapat dibudayakan sebagai sebahagian daripada sistem tadbir urus universiti. Dengan pengukuhan amalan pengurusan risiko berlandaskan piawaian antarabangsa, UNIMAS diyakini mampu memastikan strategi dan operasi universiti dilaksanakan dengan lebih berkesan sekali gus menyokong usaha UNIMAS untuk terus berdaya tahan, berdaya saing, dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.



MESYUARAT PENTADBIRAN SQRC BIL. 2/2025

Pada 15 Ogos 2025, SQRC telah mengadakan Mesyuarat Pentadbiran Bil. 2/2025 yang bertempat di UNIMAS. Mesyuarat ini menghimpunkan pengurusan serta warga SQRC bagi membincangkan hal ehwal pentadbiran, perkembangan semasa serta perancangan aktiviti akan datang. Antara agenda utama yang dibincangkan termasuklah laporan aktiviti semasa, status pelaksanaan program, isu-isu pentadbiran, serta cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan operasi pusat. Mesyuarat ini juga menjadi platform penting untuk menyelaras peranan setiap bahagian di bawah SQRC, memastikan komunikasi dalaman yang lebih berkesan, dan memperkuuh kerjasama dalam menjayakan misi serta visi pusat. Penganjuran Mesyuarat Pentadbiran Bil. 2/2025 ini mencerminkan komitmen SQRC terhadap tadbir urus yang telus, penyampaian perkhidmatan yang efisien, dan pelaksanaan program yang berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi UNIMAS untuk terus memacu kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.

PROGRAM SQRC OGOS 2025

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama TNC AA	1 Ogos 2025
2.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama Bendahari	1 Ogos 2025
3.	Closing Meeting: ISMS Internal Audit	1 Ogos 2025
4.	Penghantaran Laporan Audit Dalaman - QMS & ISMS	1 Ogos 2025
5.	Quantitative Risk Analysis Workshop di UKM	4 - 5 Ogos 2025
6.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama Pendaftar	7 Ogos 2025
7.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama PNC JIMK	8 Ogos 2025
8.	Lawatan Penanda Aras Pengurusan Risiko SQRC ke UKM, UM dan UPM	4, 6 & 7 Ogos 2025
9.	Exit Conference Audit MS 9001:2015	8 Ogos 2025
10.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama TNC HEPA	11 Ogos 2025
11.	Bengkel Semakan Dokumen ISMS	11 - 12 Ogos 2025
12.	Mesyuarat Persediaan Bengkel Pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030 Siri 2	12 - 13 Ogos 2025
13.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama Pembangunan	13 Ogos 2025
14.	Taklimat SWOT Strategik SQRC bersama Pejabat Pembangunan	14 Ogos 2025
15.	Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil. 2/2025	15 Ogos 2025
16.	Taklimat Persediaan Bengkel Pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030 Siri 2	18 Ogos 2025
17.	ISO 31000: Risk Management Workshop	19 - 20 Ogos 2025
18.	Sesi Penyelarasan Penilaian Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Sarawak (AKPANS 2025)	21 Ogos 2025
19.	Lawatan Tapak bagi Penilaian Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Sarawak (AKPANS 2025)	22 Ogos 2025
20.	Bengkel Pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030 Siri 2	23- 26 Ogos 2025
21.	Lawatan Penanda Aras UMT ke UNIMAS	27 Ogos 2025
22.	Pembentangan SQRC-TAHODC di Borneo InTEX 2025 bagi Inovasi SpeeD 2.0: Advancing Strategic Monitoring at UNIMAS	27 - 28 Ogos 2025
23.	Bengkel Pengemaskinian Dasar Tatacara Pengurusan Risiko (DTPR)	28 Ogos 2025
24.	Audit Susulan ISMS (Internal Auditing)	29 Ogos 2025
25.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UNIMAS Bil. 3/2025	29 Ogos 2025



UNIMAS | STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Happy Birthday

Pn Aishah



10

08

Kesihatan, dimurahkan rezeki, Happy selalu permudahkan segala urusan

Happy Birthday!

Rozaimi aka Kojai

26



Semoga dikurniakan kesihatan, dimurahkan dan dipermudahkan segala urusan

08



Selamat Menyambut
Hari Kebangsaan
Ke-68

Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni

31 Ogos 2025

UNIMAS | STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Jabatan Pengurusan Risiko & Pembangunan
Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088

